

*Apa yang sa-harus-nya di-ketahui
mengenai*

**KEMENTERIAN
PELAJARAN**

MINGGU KESETIAAN NEGARA
3 hingga 9 Desember, 1959
PENERBITAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
SINGAPURA

KEMENTERIAN PELAJARAN

"Kerajaan sedar bahawa kanak² di-Singapura ada-lah menjadi mata ayer kapada negara kita. Kalau kita jaga mata ayer itu dengan baik, maka ia akan menjadi anak sungai yang akan menyuborkan bumi di-sakeliling-nya, tetapi kalau kita abaikan-nya maka ia akan ghaib di-dalam tanah."

(Daripada Uchapan Dasar Menteri Pelajaran).

Kementerian Pelajaran Singapura yang ada sekarang ini bukan-lah lagi Kementerian Pelajaran Kerajaan Penjajah, yang mempunyai dasar² pelajaran yang berchorak penjajah. Kementerian Pelajaran yang ada sekarang ini ia-lah suatu alat Negara Singapura yang berkerajaan sendiri, yang di-bembeng oleh sa-buah Kerajaan yang telah memboktikan bahawa ia ada-lah di-sokong dengan sakuat²-nya oleh raayat Singapura dan yang mempunyai suatu ranchangan yang terator untuk kemajuan sosial, ekonomi dan pelajaran.

Suatu daripada tugas² yang besar yang akan di-jalankan oleh Kerajaan Singapura ia-lah menyusun sistem pelajaran dan menggunakan-nya untuk menchapai chita² membentok suatu bangsa Malaya yang bersatu, yang berdasarkan rukun² demokrasi dan suatu kebudayaan kebangsaan bersama.

Kementerian Pelajaran ia-lah badan yang akan menyusun dan melaksanakan sistem pelajaran bagi pihak Kerajaan untuk terchapai-nya chita² ini. Ada-lah menjadi tanggung jawab Kementerian ini untuk melahirkan warganegara² yang baik, berpengtahuan, bertanggung jawab dan bersemangat, yang akan dengan chergas-nya menghapuskan perasaan² perkau-man, kejahilan dan keperchayaan² yang karut dan maju kaarah satu bangsa yang bersatu sabagai yang kita idamkan itu.

Oleh kerana Kementerian Pelajaran menjadi alat Kerajaan yang sangat penting, maka perlu bagi kita mengetahui lebeh mendalam dari hal Kementerian ini.

Ada-kah kamu tahu bahawa Singapura telah membelanja-kan kira² 60 juta ringgit mengenai pelajaran pada tahun 1958? Wang 60 juta ringgit itu sudah memang banyak, dan

wang itu kita semua yang mengadakan-nya dengan jalan membayar chukai, samaada sachara langsung atau tidak langsung.

Sadikit daripada wang ini, kira² 2 juta ringgit, datang daripada Chukai Pelajaran, yang mana, sahingga tahun yang lalu, ada-lah 2 peratus daripada chukai pintu rumah² kita dan chukai tanah. Chukai 2 peratus ini telah di-naikkan menjadi 4 peratus pada hujung tahun 1958. Jadi kita harus mendapat 4 juta ringgit tahun ini. Yang 58 juta ringgit lagi datang daripada Hasil² 'Am.

Oleh kerana 25 peratus daripada jumlah Hasil² Negara kita ini di-belanjakan untuk pelajaran, tentu akan menarek perhatian kita bagaimana wang ini di-belanjakan.

Kita mulakan dengan pentadbiran. Menteri Pelajaran, Saudara Yong Nyuk Lin, ia-lah Ketua siasah di-dalam Kementerian. Beliau di-bantu oleh Saudara Leong Keng Seng, yang menjadi Setiausaha Parlemen, dan Saudara C. V. Devan Nair, yang menjadi Setiausaha Peribadi-nya (Siasah). Undang² Pelajaran menguntokkan tiga badan untuk menasihatkan Menteri di-dalam tanggungjawab²-nya yang banyak itu. Badan² itu ia-lah:—

- (a) Majlis Penasehat Pelajaran, yang menolong membentok dasar.
- (b) Lembaga Kewangan Pelajaran, yang menasihatkan tentang penggunaan wang untuk pelajaran; dan.
- (c) Lembaga Ulangkaji Sekolah², yang menimbangkan permohonan² supaya keputusan² yang di-buat di-bawah Undang² Pelajaran di-kaji samula.

Tugas melaksanakan Dasar Pelajaran, yang di-bentok oleh Kerajaan, ada-lah terletak di-atas bahu pekerja² awam-nya.

Di-dalam Kementerian ini pekerja² awam-nya ada-lah terbahagi kepada dua bahagian, ya-itu bahagian pentadbir dan bahagian mengajar. Setiausaha Tetap mengetuai bahagian pentadbir dan Pengarah Pelajaran mengetuai bahagian mengajar. Sekarang ini Setiausaha Tetap merangkap Pengarah Pelajaran.

Di-dalam bahagian pentadbir, di-nyatakan dengan ringkasnya, ada sa-orang Timbalan Setiausaha, ada penolong² setiausaha, pegawai² pelaksana, stenographer², jurutaip², kerani², penghantar² surat, orang² jaga dan lain²-nya, dan tiap² satu daripada orang² ini menolong menjalankan pekerjaan mengenai perkara² seperti kewangan, undang², pengaduan², permohonan² ulangkaji, keselamatan, tempat² membina sekolah, bangunan², tempat² murid² bermain, pembahagian kerja, gaji, wang bantuan untuk sekolah² yang mendapat bantuan kerajaan, pendaftaran, perkakas² sekolah, alat² mengajar, hadiah² pelajaran atau biasiswa², laporan² dan banyak lain² perkara lagi.

Di-dalam bahagian mengajar, ada sa-orang Timbalan Pengarah, sa-orang Ketua Penyelia, penolong² pengarah, penyelia² khas, penyelia² yang berkuasa atas beberapa buah sekolah, penyelia², penolong² penyelia, guru² besar, pen-sharah², guru², kerani², penghantar² surat, orang² jaga, dan lain² lagi.

Bahagian ini memikir dan menghuraikan masalah² pelajaran dan mengambil tahu fasal perkara² seperti susunan pelajaran, jadual waktu, buku² baca, pepereksuan, mengambil murid² dan seribu satu perkara yang mesti di-selenggarakan untuk menentukan bahawa sekolah² di-uruskan dengan teratur dan anak² kita di-ajar dengan sempurna. Sudah semesti-nya guru² besar menguruskan sekolah², guru² mengajar murid², tukang² sapu membersehhkan sekolah dan orang² jaga menjaga sekolah dan barang² di-sekolah manakala orang² lain sedang tidur.

Mari kita lihat berapa orang bekerja di-dalam Kementerian ini dan berapa murid² mengaji di-sekolah² kita.

Orang ² jaga	179 orang
Orang ² gaji	1,270 orang
Pegawai ² pentadbir, pegawai ² pelaksana, kerani ² (termasuk pegawai ² dalam bahagian penyelia)	567 orang
Guru ² dan guru ² besar	9,861 orang
			Jumlah	...
				<u>11,877 orang</u>

Jumlah gaji yang di-bayar kepada mereka ialah \$26,942,000 dan ini semua kerana mengajar 308,000 murid² di-dalam 620 buah sekolah Kerajaan dan sekolah² yang di-bantu oleh Kerajaan. Selain daripada itu, ada 16,000 murid² yang mengaji di-sekolah² peribet.

Di-Universiti Malaya pula ada 1,600 mahasiswa²; di-Universiti Nanyang ada 1,700; di-Politeknik 3,500; di-Maktab Latihan Guru² 3,600, dan ada pula 14,900 orang yang belajar di-kelas² pelajaran orang dewasa dan 2,000 orang belajar di-kelas² malam Kerajaan, Universiti², maktab dan kelas² ini ada mempunyai 1,500 kakitangan dan perbelanjaan yang di-keluarkan oleh Kerajaan sahaja bantuan, termasuk hadiah² pelajaran, ia-lah kira² 8 juta ringgit.

Jadi, nyata-lah bahawa Kementerian Pelajaran memberi kerja kepada sa-bilangan yang besar daripada rakyat Singapura.

50 peratus daripada rakyat Singapura ia-lah orang² yang masih muda, ya-itu kurang daripada 21 tahun umur-nya. Rakyat Singapura ini semakin bertambah bilangan-nya dan ada-lah di-jangka bahawa pada tahun 1965 bilangan rakyat ini akan menjadi 2 juta dan 46 peratus daripada angka itu akan berumur 14 tahun dan di-bawah 14 tahun. Dari kenyataan itu maka kita dapat ketahui bahawa untuk sekian lama di-masa hadapan 50 peratus daripada rakyat Singapura akan berada di-dalam jagaan dan didikan Kementerian Pelajaran. Nasib anak² kita ada-lah di-bentok oleh Kementerian ini dan nasib Negara kita ini akan bergantung kepada baik burok-nya peribadi dan budi pekerti anak² kita itu. Kalau kita mahu chogan-kata kita "Majulah Singapura" mengandungi arti yang tegas dan tentu, maka mesti-lah kita, menerusi dasar, pengajaran, dan guru² kita, menjadikan anak² kita warganegara² yang mempunyai kesetiaan dan keberanian, kebergasan dan kasih sayang terhadap negara, serta semangat persaudaraan dan bersatu padu, dan mesti-lah kita buka mata mereka kepada apa yang negara kita hadapi di-masa hadapan di-dalam lapangan iktisad dan siasah supaya mereka dapat mengikut jalan yang menuju kepada kebahagiaan.

Kerajaan kita, yang di-pilih oleh rakyat sendiri, adalah cukup sedar akan tanggung jawab-nya untuk memberi anak² kita sabai² pelajaran yang ia mampu memberi-nya. Saperti yang di-katakan oleh Menteri Pelajaran "Sistem pelajaran kerajaan penjajah yang telah di-gunakan pada masa yang sudah² mesti di-ubah supaya kehidupan rakyat ada bermaana, supaya mereka berasa bangga terhadap negara baru ini, supaya mereka dapat latehan di-dalam sekolah² yang membolehkan mereka mendapat pekerjaan dengan chepat dan menolong memajukan perusahaan² di-dalam negara ini. Mereka mesti di-ajar menggunakan tangan dan otak mereka. Dalam zaman penjajah dahulu orang² berchita² hendak menjadi kerani sahaja, tetapi sekarang kaadaan telah berubah. Sistem pelajaran baru telah di-mulakan."

Dasar pelajaran Kerajaan ada-lah berdasarkan tiga perkara² yang penting: —

Layanan yang sama terhadap empat jenis pelajaran—Inggeris, China, Melayu dan Tamil, mengikut bilangan murid² yang ada mengaji di-sekolah² sekarang ini.

Penerimaan bahasa Melayu sabagai bahasa kebangsaan.

Penyusunan samula perkara² yang di-ajar kerana hendak meletakkan tegasan di-atas perkara² yang berguna saperti Ilmu Hisab dan Sains untuk memenohi keperluan² negara yang mengutamakan perusahaan², dan kerana hendak menggalakkan murid² mempelajari bahasa² orang² negara ini.

Enam bulan ada-lah masa yang sengkat, tetapi mari-lah kita lihat apa yang sudah di-laksanakan.

- (a) Politeknik sudah di-susun samula.
- (b) Sekolah² di-buka enam hari sa-minggu.
- (c) Perkara menaikkan darjah dengan ta' kira lulus atau tidak sudah di-berhentikan.
- (d) Kelas² bahasa kebangsaan telah di-mulakan; ada 30 pusat² dan 340 kelas², dengan 220 guru² dan lebeh kurang 13,000 murid².

- (e) Pekerjaan melatih guru² bahasa kebangsaan telah dimulakan dan ada 1,560 guru² yang berkelulusan sedang berlatih di-dalam bahasa Melayu, dan ada-lah di-jangka 2,000 guru² lagi akan di-latih dalam tahun 1960.
- (f) Pendaftaran untuk memasokki kelas² membanteras buta huruf, dalam 63 pusat² (50 sekolah dan 13 balai orangramai) telah berakhir seperti berikut: —

China	..	2,500
Inggeris	...	2,600

Pendaftaran untuk memasokki kelas² bahasa Melayu (tidak termasuk 13,000 yang di-sebutkan di-bawah (d) tadi) dan kelas² bahasa Tamil belum lagi selesai bila malumat ini di-hantar ka-penchetak, tetapi kalau kita kirakan angka yang di-atas sahaja pon, lebih daripada 18,000 orang² dewasa akan mengaji di-kelas² malam untuk mempelajari bahasa² pada tahun 1960.

- (g) Kutubkhanah dan Sekolah Gambar telah di-letakkan di-bawah Kementerian Kebudayaan.

Perubahan² yang di-janjikan oleh Kerajaan dan Kementerian ini telah mula berlaku, dan chepat-nya perubahan² ini telah di-lakukan ada-lah menggembirakan. Kita memang terasa sangat bahawa kita ada mempunyai sa-buah Kerajaan yang chergas dan kita sedang bersama² mara dengan baik-nya untuk menchapai suatu chorak kemelayanan yang sejati, dengan mempunyai kebebasan dan hak² asasi yang sama yang mana akan membawa keamanan dan kema'amuran.

MAJULAH SINGAPURA